

08/07/1998

Penganjur Emtek '98 hargai syarikat terbabit

Khairul Anuar Samad

SOKONGAN pelbagai pihak termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhirnya menghasilkan kejayaan kepada Yayasan Pasir Mas (YPM) dalam menganjurkan Eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan 1998 (Emtek '98) di Cabang Empat, Tumpat, Kelantan, baru-baru ini.

Walaupun negara mengalami kelembapan ekonomi, sokongan padu khasnya daripada Telekom yang menjadi penaja utama dengan sumbangan RM250,000 terus merealisasikan usaha mendedahkan masyarakat luar bandar kepada teknologi maklumat (IT).

Pelaburan kira-kira RM600,000 itu memberi pulangan besar bukan saja kepada YPM, malah untuk negara yang selama ini berusaha membentuk masyarakat bermaklumat serta celik IT.

Kira-kira 250,000 pengunjung mengunjungi Emtek '98 sepanjang enam hari diadakan dengan kadar 40,000 pengunjung setiap hari. Sambutan menggalakkan itu memberi harapan kepada YPM untuk mengadakan Emtek 2000.

Sebagai menghargai pembabitan syarikat dalam Emtek '98 itu, jawatankuasa penganjur mengadakan majlis penyampaian sijil penghargaan kepada syarikat berkenaan yang diadakan di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Turut hadir ialah Pengerusi YPM yang juga Pengerusi Emtek '98, Senator Datuk Ibrahim Ali manakala Pengerusi Telekom, Datuk Ali Hassan menjadi tetamu kehormat majlis itu.

(END)